



جباتن فرنيچن بندر دان ديسا فيراق دارالرضوان

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA
PERAK DARUL RIDZUAN

TINGKAT 3 DAN 7, BANGUNAN SERI PERAK,
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB,
30000 IPOH.

Telefon : Pengarah - 05-2531631
Pejabat Am - 05-2531957 samb. 6752 (Tingkat 7)
05-2531957 samb. 6711 (Tingkat 3)
Faks : Pejabat Am - 05-2553022



Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : Bil: JPBD.Pk. 8/JPN/1001/ S/Jld. 17 (52)
Tarikh : 27 Februari 2013
16 Jamadilakhir 1434H

Seperti Senarai Edaran

Y.B. Dato' / Y.Bhg. Dato' / Tuan,

EDARAN DOKUMEN GARIS PANDUAN PERANCANGAN.

- **Garis Panduan Perancangan Premis Burung Walit (Swiftlet) Negeri Perak**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara diatas.


2. Dimaklumkan bahawa Garis Panduan Perancangan Pemis Burung Walit (Swiftlet) Negeri Perak telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak Bil. 1726 pada 12 Disember 2012 untuk diterimapakai bagi semua Pihak Berkuasa Tempatan dan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan Negeri Perak mulai dari tarikh pewartaan atau sebaliknya.
3. Bersama-sama ini disertakan senaskhah setiap Garis Panduan Perancangan Premis Burung Walit Negeri Perak bagi tujuan pelaksanaan dan penguatkuasaan selanjutnya.
4. Untuk makluman Y.B. Dato' / Y.Bhg. Dato' / Tuan, pihak MMKN telah memutuskan supaya kadar lesen bagi perusahaan burung walit ini perlu diseragamkan bagi semua Pihak Berkuasa Tempatan dalam Negeri Perak yang mana kertas mesyuarat MMKN akan dibawa secepat mungkin untuk pertimbangan selanjutnya.
5. Oleh itu kadar lesen sediada bagi setiap PBT boleh dilaksanakan sehingga satu ketetapan keseragaman diluluskan kelak.
6. Lanjutan dari itu satu mesyuarat penyelarasan akan dijalankan dalam waktu terdekat bagi membincang ke arah mewujudkan satu kadar lesen perusahaan burung walit yang seragam bagi semua PBT di Negeri Perak dan dipohon semua PBT dapat bersedia untuk menyumbangkan maklumat berkenaan semasa perbincangan kelak.

7. Kerjasama Y.B. Dato'/ Y.Bhg. Dato' /Tuan mengenai perkara diatas, amat saya hargai dan didahului dengan ucapan terima kasih..

Sekian,

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' DR. DOLBANI BIN MIJAN)
Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Perak Darul Ridzuan.
SMY/GPWALIT

"SINERGI INOVASI STRATEGI TRANSFORMASI"



GARIS PANDUAN PERANCANGAN PREMIS BURUNG WALIT (SWIFTLET) NEGERI PERAK

**Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Perak Darul Ridzuan**

Per. Bil.

Garis panduan perancangan premis Burung Walit (Swiftlet) Negeri Perak.

2
(25560)

Nama & Alamat Pemohon: Pengarah,
Jabatan Perancang Bandar & Desa,
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,
30000 IPOH.

Majlis menimbangkan Kertas Bil. 2060/12/12/2012 dan memutuskan seperti berikut:-

Majlis bersetuju:-

- I. Meluluskan untuk menerimapakai Garis Panduan Perancangan Premis Burung Walit Negeri Perak bagi semua Pihak Berkuasa Tempatan dan Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan di Negeri Perak mulai dari tarikh pewartaan atau sebaliknya.
- II. Walaubagaimanapun, kadar lesen bagi perusahaan burung walit ini perlulah diseragamkan bagi semua Pihak Berkuasa Tempatan dalam Negeri Perak. Sehubungan itu, satu kertas mesyuarat perlulah disediakan bagi mendapatkan pertimbangan semula mesyuarat.

[MMKN/1001/B3]

No. Tindakan: MESY - 322/01-13

ISI KANDUNGAN

1.0	PENDAHULUAN	1
2.0	LATAR BELAKANG	1
	2.1 Burung Walit	1
	2.2 Perladangan Burung Walit	1
	2.3 Isu Dan Masalah Perladangan Burung Walit	2
	2.4 Keperluan Penyediaan Garis Panduan	2
3.0	PEMAKAIAN GARIS PANDUAN	3
4.0	DASAR AM	3
5.0	PROGRAM PEMUTIHAN	3
6.0	SYARAT-SYARAT PERMOHONAN (PERMOHONAN BARU)	4
	6.1 Aspek Tapak / Tanah	4
	6.2 Aspek Bangunan / Premis	6
7.0	PENGLIBATAN JABATAN / AGENSI BERKAITAN	6
8.0	ASPEK PERLESENAN	7
	8.1 Senarai Semak Permohonan Lesen Premis Di PBT	7
	8.2 Kadar Lesen (Tahunan) PBT	8
	8.3 Lain-lain Keperluan Lesen	9
9.0	FI PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG	9
10.0	KAWALAN OPERASI PERUSAHAAN	9
11.0	TANGGUNGJAWAB AGENSI (PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN)	10
12.0	PENUTUP	11
	Glosari	12

GARIS PANDUAN PERANCANGAN PREMIS BURUNG WALIT (SWIFTLLET) NEGERI PERAK

1.0 PENDAHULUAN

Garis Panduan Perancangan Premis Burung Walit (Swiftlet) Negeri Perak ini disediakan bertujuan untuk memberi panduan kepada semua Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) dalam memproses permohonan dan mengawal aktiviti perladangan burung Walit di kawasan mereka.

2.0 LATAR BELAKANG

(Olahan daripada Garis Panduan Amalan Baik Penternakan Burung Walit, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia – Oktober 2007, ulasan daripada Jabatan PERHILITAN dan Garis Panduan Perancangan Burung Walit (Swiftlet) Negeri Kedah).

2.1 Burung Walit

Burung Walit kebiasaannya hidup secara berkumpulan. Mereka biasanya tinggal di permukaan gua yang berhampiran dengan kawasan berair. Pada masa kini, mereka banyak tinggal di rumah - rumah yang disediakan khas untuk mereka di kawasan pertanian, perumahan, bandar dan sebagainya.

Sesetengah spesis ini menggunakan ekolokasi (echolocation) seumpama kelawar untuk terbang (navigate) dalam gelap. Burung walit dapat menyesuaikan diri dengan iklim dan habitat yang tertentu.

Info:

Burung walit atau burung Layang-layang Gua / Layang-layang Sarang Hitam tergolong di dalam *Order Apodiformes*. Burung ini mempunyai kaki yang pendek dan tidak berupaya hinggap di mana-mana permukaan kecuali di sarang atau tempat yang disediakan untuk bersarang (di dalam rumah burung) atau dipermukaan gua yang sesuai. Kukunya berupaya mencengkam di permukaan tepi gua atau di kayu-kayu yang disediakan khas untuk mereka. Ia berupaya terbang di udara dalam masa yang agak lama. Saiz panjang badannya adalah antara 7.5 cm hingga 13 cm.

Makanan asas burung Walit adalah serangga yang ditangkap semasa ia terbang di udara. Burung layang - layang dari spesis ini juga minum dan mengawan semasa terbang di udara. Bunyinya bernada tinggi dalam masa - masa tertentu. Mereka berupaya terbang di antara celah - celah bangunan untuk masuk ke rumah mereka masing - masing. Pada masa ini kebanyakan rumah burung layang - layang dibangunkan di kawasan bandar. Walaubagaimanapun tempat mencari makanan mereka ialah di kawasan - kawasan pertanian dan kawasan lapang.

2.2 Perladangan Burung Walit

Penuaian sarang burung Walit dari gua - gua secara komersial telah dijalankan sejak lebih 100 tahun dahulu di Malaysia. Hasil penuaian pertama adalah dari Gua Niah, Sarawak pada tahun 1878. Sejak sedekad kebelakangan ini, pengusaha telah menerokai halaman baru dalam penuaian burung Walit ini. Ianya dari perspektif perladangan yang

berperikemanusiaan, mesra haiwan, ekonomi, lestari pada populasi burung Walit serta bersifat mesra alam berbanding cara tradisi.

Spesis dan bilangan burung Walit telah banyak berkembang dan berhijrah dari gua ke desa dan bermastautin di bandar. Semenjak itu, industri burung Walit ini semakin berkembang.

Sarang burung Walit adalah sarang burung paling digemari. Ia terkenal oleh kepercayaan terhadap khasiatnya kepada kesihatan manusia. Sarang burung Walit bernilai tinggi dan mudah untuk diproses. Tuaeian berjuta – juta ringgit dihasilkan setiap tahun di Malaysia daripada beberapa buah premis penternakan burung Walit.

2.3 Isu dan Masalah Semasa Perladangan Burung Walit

Pengubahsuaian bangunan di kawasan bandar untuk dijadikan premis burung Walit telah menimbulkan kacauganggu kepada persekitaran. Antaranya seperti :

- i. Bunyi bising daripada sistem audio yang dipasang untuk menarik perhatian burung Walit ;
- ii. Persekitaran bangunan yang ditinggalkan dan tidak diurus dari segi aspek kebersihan dan bau ;
- iii. Pengubahsuaian bangunan yang mengabaikan nilai estetika bangunan sediaada sekaligus menurunkan nilai pemandangan kawasan bandar secara keseluruhan ;
- iv. Keresahan di kalangan penduduk sekitar berkaitan kebimbangan mereka terhadap masalah penyakit yang mungkin berlaku ;
- v. Akibat daripada masalah – masalah yang timbul boleh menyebabkan penurunan dari segi pasaran harta dan aktiviti perniagaan di kawasan sekitar.
- vi. Isu penguatkuasaan dan perlesenan ke atas perusahaan burung Walit yang telah diusahakan (sedia ada) di dalam kawasan yang terdapat pelbagai aktiviti guna tanah dan yang melibatkan pemilik tanah yang ramai.

2.4 Keperluan Penyediaan Garis Panduan

Garis Panduan ini disediakan untuk memenuhi objektif – objektif berikut :

- i. Untuk memastikan aktiviti perladangan burung Walit ini terkawal dari segi perancangan serta sebagai langkah sokongan dan tambahan terhadap peraturan sedia ada ;
- ii. Untuk memastikan persekitaran kawasan bandar tidak dicemari dengan aktiviti ini sekaligus memelihara nilai estetika sedia ada dan mewujudkan persekitaran hidup yang selesa dan sejahtera ;
- iii. Untuk menggalakkan serta memastikan aktiviti perladangan burung Walit yang dimajukan pada masa hadapan lebih mesra persekitaran.

3.0 PEMAKAIAN GARIS PANDUAN

- i. Garis Panduan ini terpakai bagi semua kawasan di semua PBPT seluruh Negeri Perak dalam memproses permohonan pemajuan premis burung Walit ;
- ii. Garis Panduan ini hanya merujuk kepada premis yang menyediakan 'penginapan' burung Walit tanpa melibatkan aktiviti memproses sarang burung Walit ;
- iii. Garis Panduan ini terpakai bagi proses kelulusan Kebenaran Merancang (KM), kelulusan Pelan Bangunan, Kelulusan Sijil Layak Menduduki (CFO) / kelulusan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC), kelulusan lesen premis dan aktiviti penguatkuasaan.

4.0 DASAR AM

- i. Semua pemajuan premis burung Walit perlu mendapatkan kelulusan Kebenaran Merancang (KM), kelulusan Pelan Bangunan dan kelulusan sijil layak menduduki (CFO) atau sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) sebelum lesen premis diluluskan oleh PBT ;
- ii. Aktiviti perladangan burung Walit hendaklah dijalankan di luar kawasan petempatan bagi mengelak daripada kacauganggu kepada penduduk ;
- iii. Aktiviti perladangan burung Walit perlu mematuhi semua kod amalan (kecuali perkara – perkara di para 4.1 dan 4.2 yang berkaitan dengan aspek perancangan) yang digariskan di dalam Garis Panduan Amalan Baik Penternakan Burung Walit, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia ;
- iv. Menggalakkan pengusaha burung Walit melaksanakan ISO 14001 ;
- v. Mana – mana permohonan yang bercanggah dengan garis panduan ini perlu merujuk kepada Jawatankuasa Perancang Negeri untuk pertimbangan.

5.0 PROGRAM PEMUTIHAN (TERHADAP AKTIVITI / PREMIS SEDIA ADA)

- i. Semua premis burung Walit sedia ada yang sedang beroperasi sama ada secara haram atau tidak ; **perlu memohon** lesen premis daripada pihak PBT.
- ii. PBT akan memberi kelulusan lesen sementara kepada semua permohonan secara automatik tertakluk kepada **Garis Panduan IGP di para 4.3** . Tempoh lesen sementara ini adalah setahun (bermula dari tarikh kelulusan).
- iii. Pembaharuan lesen sementara bagi tahun berikutnya perlu dibenarkan sehingga kajian seperti dinyatakan di para 5.0 (vii) dijalankan.

- iv. Kadar lesen sementara adalah sama seperti mana kadar lesen tahunan yang ditetapkan di dalam para 8.2 (tanpa insentif 50%).
- v. Pengusaha sedia ada yang telah beroperasi dan mempunyai lesen premis dengan PBT perlu berdaftar dengan JPV dalam tempoh setahun dari tarikh garis panduan ini.
- vi. Semua pengusaha yang terlibat dengan proses pemutihan hendaklah mengemukakan Sijil Kehadiran Kursus dari JPV dalam tempoh setahun dari tarikh garis panduan ini.
- vii. Kajian serta semakan terhadap operasi premis yang mendapat lesen sementara ini akan dijalankan oleh PBT dan jabatan berkaitan bagi menentukan status operasi premis tahun berikutnya sama ada operasi premis akan ditutup atau operasi premis dibenar untuk dijalankan secara kekal.
- viii. Di dalam menjalankan kajian serta semakan terhadap operasi premis (seperti yang dinyatakan di para 5.0 (vii)), PBT dan agensi berkaitan boleh menggunakan budi bicara masing – masing tanpa tertaluk kepada garis panduan ini untuk membuat keputusan.
- ix. Tempoh pelaksanaan program pemutihan ini berkuatkuasa dari tarikh **Garis Panduan Perancangan Premis Burung Walit Negeri Perak** ini diluluskan oleh MMK dan berakhir enam (6) bulan selepas tarikh **Garis Panduan** ini digunapakai di seluruh PBT Negeri Perak.
- x. Kaedah pelaksanaan penguatkuasaan terhadap premis burung walit selepas tempoh (6) bulan pelaksanaan garis panduan ini yang tidak mematuhi garis panduan ini hendaklah menurut peruntukan Akta 171 dan Akta 172.
- xi. Program penutupan operasi perlu mematuhi syarat – syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar

6.0 SYARAT – SYARAT PERMOHONAN (PERMOHONAN BARU)

6.1 ASPEK TAPAK / TANAH

6.1.1 Lokasi Tapak / Zon Guna Tanah Yang Boleh Dipertimbangkan

- i. Zon Perindustrian
- ii. Zon Pertanian
- iii. Zon Perniagaan (Rujuk lampiran A untuk Syarat-Syarat terperinci)

6.1.2 Lokasi Tapak / Zon Guna Tanah Yang Tidak Boleh Dipertimbangkan

- i. Kawasan hutan simpan, kawasan hidupan liar, kawasan tanah tinggi dan lereng bukit, kawasan semulajadi dan antikuiti dan kawasan tadahan air ;
- ii. Kawasan rizab utiliti ;
- iii. Kawasan rizab awam dan institusi (seperti hospital, klinik, dewan orang ramai, sekolah, padang permainan dll) ;

iv. Zon kediaman (termasuk kawasan perkampungan);

vi. Selain dari yang dinyatakan di para 6.1.1.

6.1.3 Laluan Masuk / Aksesibiliti

i. Zon Perindustrian

- Mematuhi piawai jalan bagi pembangunan perindustrian.


ii. Kategori Pertanian

- Perlu mempunyai akses minimum rizab 30 kaki dari premis ke laluan awam (berturap dan separa turap). Sekiranya akses masuk melibatkan laluan persendirian (JKKK atau tanah individu), kebenaran bertulis perlu diperolehi daripada pemilik laluan.

- Jika bersempadan dengan jalan negeri dan persekutuan perlu mematuhi kehendak JKR.

6.1.4 Zon Penampian

i. Jarak zon penampian antara dinding premis burung Walit dengan zon kediaman / perkampungan (dari dinding bangunan kediaman) terhampir adalah tidak kurang daripada 50 meter. Sekiranya melibatkan lot berjiran, persetujuan hendaklah diperolehi; -



ii. Jarak antara dinding premis burung Walit dengan kemudahan awam (seperti hospital, klinik, dewan orang ramai dll.) terhampir adalah tidak kurang daripada 100 meter.

6.1.5 Syarat Tanah

i. Bagi pembangunan premis burung Walit yang kurang daripada 20% daripada keluasan tanah, hendaklah di pecah sempadankan untuk mengasingkan dari segi syarat nyata tanah berkenaan dan bentuk plot tersebut hendaklah mematuhi keperluan anjakan minima bangunan iaitu 10' di kiri, kanan dan belakang serta 20' di hadapan bangunan. Bagi plot yang berhadapan dengan jalan JKR, kedudukan plot tersebut hendaklah mengambil kira keperluan rizab masa hadapan seperti yang disyaratkan oleh pihak JKR.

- ii. Bagi pembangunan premis burung Walit yang meliputi kawasan melebihi 20% daripada keluasan tanah, syarat nyata ditukarkan kepada burung Walit.
- iii. Jika pada pandangan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan, pembangunan premis burung Walit hendak dijadikan sebagai skim perusahaan burung Walit, walaupun ia merupakan pembangunan di bawah para i di atas, maka pecah sempadan dan penukaran kategori tanah hendaklah dibuat terlebih dahulu atau secara serentak kepada perusahaan burung Walit.

6.2 ASPEK BANGUNAN/PREMIS

6.2.1 Rekabentuk, Fasad dan Jenis Bangunan

- i. **Bangunan Baru**
 - a. Fasad premis hendaklah bersesuaian dengan persekitaran.
 - b. Bangunan perlu mementingkan aspek kekemasan iaitu :-
 - b(i). Dinding luar bangunan dilepar sepenuhnya dan
 - b(ii). Dinding luar hendaklah dicat dengan warna yang harmoni
- ii. **Pengubahsuaian Bangunan Terbangkalai**
 - a. Fasad premis hendaklah harmoni dengan persekitaran;
 - b. Bangunan perlu mementingkan aspek kemas iaitu :-
 - b(i). Dinding luar bangunan dilepar sepenuhnya dan
 - b(ii). Dinding luar hendaklah dicat dengan warna yang harmoni

6.2.2 Anjakan Bangunan

- i. **Zon Perindustrian**
 - Mematuhi piawaian semasa anjakan bangunan bagi pembangunan perindustrian.
- ii. **Kategori Pertanian**
 - Anjakan bangunan bagi premis burung Walit adalah 3.06 meter tepi dan belakang dan 6.12 meter untuk hadapan bangunan.

6.2.3 Had Ketinggian

- i. **Zon Perindustrian**
 - a. Perlu selaras dengan pembangunan sekitar dan piawaian semasa;
 - b. Tertakluk kepada had ketinggian maksimum yang dibenarkan di dalam Rancangan Pemajuan.
- ii. **Zon Pertanian**
 - tidak melebihi atau sama 16;

7.0 PENGLIBATAN JABATAN / AGENSI BERKAITAN

Jabatan / agensi berikut perlu dirujuk selain daripada / agensi tetap lain yang di rujuk semasa proses-proses kelulusan

- i. Jabatan Perkhidmatan Veterinar;
- ii. Jabatan Pertanian; (jika perlu)

- iii. Badan Warisan Malaysia (jika pemajuan melibatkan bangunan yang diwartakan sebagai warisan.) (jika perlu)

8.0 ASPEK PERLESENAN

8.1 Senarai Semak Permohonan Lesen Pemis Di PBT

Permohonan Baru:

- i. Borang D (Pendaftaran Perniagaan), Borang 49 (Pendaftaran Syarikat), Memorandum dan Perkara Bagi Syarikat (Memorandum And Articles of Association).
-1 salinan.
- ii. Surat perjanjian atau kebenaran pemilik bangunan (jika bukan bangunan sendiri)
- 1 salinan.
- iii. Pelan lokasi dan pelan bangunan / premis yang telah diluluskan
- 4 salinan.
- iv. Salinan sijil CF / CCC – 1 salinan.
- v. Salinan resit hasil taksiran tahun semasa yang telah dijelaskan - 1 salinan.
- vi. Salinan resit hasil cukai tanah yang terbaru yang telah dijelaskan - 1 salinan.
- vii. Gambar pemohon 4 keping.
- viii. Salinan sijil kehadiran kursus (kursus bagi menjalankan aktiviti perladangan burung Walit yang diiktiraf oleh agensi yang diiktiraf)
-1 salinan.
- ix. Borang Akujanji yang membenarkan agensi penguatkuasa (PBT, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Kesihatan) memasuki premis pada bila-bila masa.
-1 salinan.
- x. Membuat bayaran memproses lesen. (RM 50.00) per permohonan
- xi. Salinan Sijil Keahlian Persatuan / Pertubuhan berkaitan aktiviti Burung Walit yang berdaftar. (Jika ada)
- xii. Salinan Kad Pengenalan pemohon
-1 salinan.
- xiii. Salinan Sijil Kebenaran Merancang dan surat Kelulusan Pelan Bangunan / Sijil CCC (Bagi bangunan yang telah siap)
-1 salinan.

xiv.Mendaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) secara atas talian atau manual di pejabat terdekat. Di mana setiap pendaftaran dengan pihak JPV akan diberi nombor rujukan.

8.2 Kadar Lesen (Tahunan) PBT

KADAR LESEN PBT NEGERI PERAK BAGI PERUSAHAAN BURUNG WALIT

BIL	PBT PERAK	KADAR LESEN (RM)			
1.	Majlis Bandaraya Ipoh	RM 120.00			
2.	Majlis Perbandaran Taiping	RM 250.00 – satu tingkat RM 500.00 – melebihi satu tingkat			
3.	Majlis Perbandaran Manjung	Kurang 2400 kaki persegi – RM 240.00 2401 – 4200 kaki persegi – RM 360.00 Melebihi 4201 kaki persegi – RM 500.00			
4.	Majlis Perbandaran Teluk Intan	Kurang 2800 kaki persegi – RM 240.00 2800 – 4200 kaki persegi – RM 360.00 Melebihi 4201 kaki persegi – RM 500.00			
5.	Majlis Perbandaran Kuala Kangsar	RM 250.00 – satu tingkat RM 500.00 – melebihi satu tingkat			
6.	Majlis Daerah Gerik	RM 400.00			
7.	Majlis Daerah Tapah	RM 500.00			
8.	Majlis Daerah Selama	RM 250.00 – satu tingkat RM 400.00 – melebihi satu tingkat			
9.	Majlis Daerah Lenggong	Kurang 1400 kaki persegi – RM 200.00 1401 – 2400 kaki persegi – RM 360.00 Melebihi 2401 kaki persegi – RM 500.00			
10.	Majlis Daerah Kerian	Kurang 2400 kaki persegi – RM 200.00 2401 – 4200 kaki persegi – RM 360.00 Melebihi 4201 kaki persegi – RM 500.00			
11.	Majlis Daerah Pengkalan Hulu	Kurang atau bersamaan 260m persegi – RM 500.00 261 m persegi hingga 390 m persegi – RM 360.00 391 m persegi dan ke atas – RM 1,000.00 (nota: kadar-kadar tersebut belum dilaksanakan lagi)			
12.	Majlis Daerah Batu Gajah	Kurang atau bersamaan 260m persegi – RM 500.00 261 m persegi hingga 390 m persegi – RM 370.00 391 m persegi dan ke atas – RM 1,000.00			
13.	Majlis Daerah Perak Tengah	1 Tingkat – RM 250.00 2 Tingkat – RM 500.00 3 Tingkat dan lebih – RM 700.00			
14.	Majlis Daerah Tanjung Malim	Perusahaan Sarang Burung Walit	Mengilang / Memproses (RM)	Memborong/ Menjual/ Perkhidmatan (RM)	Menyetor (RM)
		Ruang lantai premis kurang atau bersamaan 2,800 kaki persegi.(k.p)	240.00	240.00	240.00
		Ruang lantai premis melebihi 2,800 k.p hingga 4,200 kaki persegi	360.00	360.00	360.00
		Ruang lantai premis melebihi 4,200 kai persegi.	500.00	500.00	500.00

BIL	PBT PERAK	KADAR LESEN (RM)
15.	Majlis Daerah Kampar	260 mp ke bawah – RM500 261 – 390 mp – RM750 391 mp ke atas – RM 1,000

8.3 Lain-lain Keperluan Lesen

Aktiviti perladangan burung Walit ini juga tertakluk kepada syarat-syarat lesen yang ditetapkan oleh:

- i. Jabatan Perkhidmatan Veterinar

(sila rujuk jabatan berkenaan)

9.0 FI PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG

*Berasaskan Kaedah-Kaedah Kawalan Perancangan (Am) Negeri Perak 2010
(Tarikh Warta :30 Disember 2010)*

A PEMBANGUNAN BARU

KATEGORI	FI
3. Industri Burung Walit	<p><u>KM Pemajuan Tanah</u> Pelan pecah sempadan disediakan - RM 50.00 per unit dan pelan pecah sempadan tidak disediakan (plot tanah) - RM 1.00 setiap meter persegi</p> <p><u>KM Pemajuan Bangunan</u> RM 100.00 bagi 200 m.p. yang pertama keluasan lantai atau sebahagian daripadanya. RM 60.00 bagi 800 m.p. yang berikutnya keluasan lantai atau sebahagian daripadanya. RM 50.00 bagi tiap-tiap 600 m.p. selepas itu keluasan lantai atau sebahagian daripadanya</p>
14.Pertukaran Penggunaan Bangunan	RM 250.00 bagi setiap unit

10.0 KAWASAN OPERASI PERUSAHAAN

Pihak Berkuasa Tempatan perlu menjalankan operasi penguatkuasaan sekurang-kurangnya 6 bulan sekali terhadap aktiviti yang telah dilesenkan. Laporan Pengesahan Pematuhan Kawalan Operasi Perusahaan dari PBT akan digunakan semasa proses pembaharuan lesen (para 8.0). Perkara-perkara yang perlu dipatuhi oleh pengusaha adalah:

- i. Penyediaan papan tanda pengenalan di premis burung Walit yang mengandungi butiran pengusaha dan no. lesen. Saiz dan format papan tanda mengikut ketetapan PBT ;
- ii. Kawalan bunyi tertakluk kepada Garis Panduan Amalan Baik Penternakan Burung Walit, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia;
- iii. Premis hendaklah sentiasa bersih;
- iv. Premis tidak menimbulkan masalah kacauganggu seperti bau busuk, pembiakan nyamuk, lalat dan lain-lain jenis serangga;
- v. Air tidak boleh bertakung di atas lantai atau di dalam apa-apa takungan tanpa kawalan. Hanya alat *humidifier* dibenarkan;
- vi. Dinding luar bangunan hendaklah sentiasa bersih dan harmoni dengan persekitaran / bangunan;
- vii. Lampu dipasang di luar dinding bangunan;
- viii. Najis burung (guano) perlu dikumpul dan dikeluarkan dari premis secara berjadual. Rekod pengeluaran dan penjualan guano perlu disediakan oleh pemilik/pengusaha premis;
- ix. Tertakluk di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 di dalam mengawal serangga-serangga pembawa penyakit contohnya nyamuk aedes di dalam kawasan premis.

11.0 TANGGUNGJAWAB AGENSI (PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN)

- i. Laporan kawalan operasi penternakan
- *PBT*
- ii. Laporan pematuhan kod amalan (Garis Panduan Amalan Baik Penternakan Burung Walit)
- *Jabatan Perkhidmatan Veterinar*
- iii. Laporan pematuhan aspek kesihatan
- *Jabatan Kesihatan / PBT*
- iv. Aduan bunyi bising
- *Jabatan Alam Sekitar / PBT*
- v. Kebersihan premis
- *PBT / Jabatan Kesihatan*
- vi. Keadaan fizikal premis
- *PBT*
- vii. *Tanggungjawab ke atas permohonan dan pemantauan bagi kawasan luar PBT*
- *PBN*

12.0 PENUTUP

Garis Panduan ini akan terus disemak dan diperkemaskan lagi dari masa ke semasa bagi memastikan segala peraturan dan syarat yang digariskan dapat membantu pihak industri menjalankan aktiviti mereka dengan berkesan di samping dapat memastikan persekitaran penduduk yang harmoni dan sejahtera.

Sebarang cadangan penambahbaikan serta ulasan terhadap garis panduan ini boleh dikemukakan secara bertulis ke Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Perak.

Glosari

Zon penampungan : buffer zone ¹

Satu kawasan lapang pada kelebaran tertentu yang disediakan atau bahagian yang memisahkan antara dua atau lebih guna tanah bagi menghalang kesan aktiviti guna tanah di antara satu sama lain yang bercanggah dengan pertimbangan alam sekitar dan perlindungan keselamatan. Pengertian zon penampungan ini terbahagi kepada dua(2) kategori iaitu:

i. Penampungan fizikal (physical buffer)

Kawasan jalur hijau yang meliputi tempat letak kereta, jalan kereta dan laluan pejalan kaki.

ii. Penampungan hijau (green buffer)

Kawasan jalur yang dirizabkan kawasan untuk penanaman pokok iaitu penyediaan landskap dan padang rumput.

Zon perumahan ²

Perumahan ini perlu dimajukan mengikut zon perancangan, dasar dan strategi Rancangan Pemajuan yang telah dirancang dan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Walau bagaimanapun, ia boleh dibangunkan di zon-zon lain atas sebab-sebab tertentu seperti :-

- a. Pusat bandar – untuk menghidupkan kawasan pusat bandar pada waktu malam.
- b. Kawasan perindustrian – untuk mengatasi masalah pekerja industri yang kurang memerlukan kualiti hidup yang tinggi
- c. Institusi dan kampus – untuk mewujudkan penduduk sokongan seperti tempat tinggal pelajar, kuarters kakitangan keselamatan awam dan lain-lain.

Hendaklah dibangunkan di kawasan bandar (pusat bandar dan *suburb*) di zon perumahan berkepadatan sederhana dan tinggi bergantung kepada pembangunan di sekitarnya ; dan

Boleh dibangunkan di zon perniagaan, pelancongan, kegunaan bercampur (mixed use) dan estet perindustrian untuk rumah-rumah pekerja kilang sebagai sokongan.

Zon perindustrian ³

Pengezonan bagi sesuatu kawasan perindustrian perlu bersesuaian dengan jenis industri dan kemudahan-kemudahan yang diperlukan serta mengambilkira kriteria pemeliharaan alam sekitar dan kawasan yang sensitif (seperti dalam kawasan *water intake point* dan kawasan *uppercatchment*) akan memaksimumkan gunatanah kawasan serta mengelakkan pencemaran ke tahap minimum.

Kawasan perkampungan

Ditakrifkan berdasarkan bilangan rumah yang terdapat dalam kawasan tersebut sebagai contoh 5 unit rumah kampung dalam radius 50 meter setiap satu dan jika tidak ia adalah kawasan pertanian.

Nota :

¹ Ensiklopedia Undang-undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa

² Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Perumahan Kos Sederhana Satu dan Dua Tingkat

³ Garis Panduan Perancangan Kawasan Perindustrian